

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 3 FEBRUARI 2017 (JUMAAT)

Selaras Smart State

Flexi Parking mudahkan warga Shah Alam

Selaras
3/2/2017

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Orang ramai kini berpeluang menikmati kemudahan sistem bayaran tempat letak kereta pintar 'Flexi Parking' di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, sistem itu memerlukan penggunaan telefon pintar sebagai kaedah alternatif selain kupon gores dan pas bulanan.

Katanya, ia antara inisiatif bagi menambahbaik pengurusan tempat letak kereta supaya lebih efisien dan sistematik.

"Orang ramai boleh membuat belian kredit secara talian terus melalui perbankan internet menggunakan telefon pintar. 'Flexi Parking' memudahkan proses pembayaran pengguna tanpa perlu mempamerkan kupon gores atau pas bulanan.

"Ia sekali gus berupaya mengurangkan masalah serta aduan pengguna berkaitan kesukaran mendapatkan kupon, salah menggores kupon serta lambakan buku kupon," katanya.

Aplikasi 'Flexi Parking' boleh dimuat turun secara percuma di 'Android Play Store' atau 'Apple Apps Store' dan berfungsi secara dwi bahasa.

Shahrin berkata, pengguna akan diberi maklumat peringatan sepuluh minit lebih awal sebelum tamat tempoh letak kenderaan.

"Sistem ini juga selaras hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Selangor sebagai Smart State, menjelang 2025," katanya.

Baki Kredit: RM332.40

Nombor kenderaan berdaftar: BEST8888

3:59:44

BEST8888 diletak di JALAN SEPADU D 25/D, SEKSYEN 25 sehingga 2017-01-13 18:47:23

INFO

FLEXI PARKING

Hubungi
03-5510 5133
sambungan1477
/1656/1657/1658
Seksyen Pengurusan Hasil, Jabatan Kewangan MBSA

Telefon: 03-5522 2743 / Faks: 03- 5513 8513

FB : Bandar Anggerik